

PENDEKATAN TASAWUF AL-TAFTAZANI DALAM HURAIAN TERHADAP HADIS 2 (ISLAM, IMAN DAN IHSAN) *AL-ARBA’IN AL-NAWAWIYYAH*

ROSNI BINTI WAZIR
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
rosni@kuis.edu.my
017-3473254

Abstrak

Al-Taftazani (m.792H) merupakan salah seorang daripada penulis yang telah menghuraikan karya agung al-Arba'in al-Nawawiyyah. al-Taftazani merupakan seorang tokoh yang mahir dalam bahasa Arab dan ilmu akidah berdasarkan karya beliau yang dihasilkan meliputi kedua-dua bidang ini. Namun begitu, beliau juga mempunyai kecenderungan tasawuf berdasarkan kepada huraian yang beliau lakukan terhadap al-Arba'in al-Nawawiyyah yang telah menghasilkan satu karya bertajuk Syarh Al-Taftazani Ala Ahadith Al-Arba'in Al-Nawawiyyah Penulisan ini, dengan menggunakan kaedah kualitatif akan menumpukan kepada huraian yang telah beliau lakukan terhadap hadis akidah iaitu Hadis 2 (Islam, Iman dan Ihsan) di dalam al-Arba'in al-Nawawiyyah. Analisis yang akan dilakukan akan menampakkan keunikan pendekatan tasawuf al-Taftazani terhadap hadis tersebut.

Kata kunci : *al-Taftazani, al-Arba'in al-Nawawiyyah, akidah, metode, tasawuf*

1. Pendahuluan

Al-Arba'in al-Nawawiyyah adalah sebuah karya al-Nawawi yang sangat terkenal. Ia bukanlah satu karya yang besar dari segi fizikalnya, bahkan saiznya adalah sangat kecil berbanding karya-karya yang lain. Ironinya, ia amat kuat dan besar dari segi manfaat dan kesannya. Ia telah mendapat perhatian daripada ilmuwan di setiap pelusuk dunia. Perhatian ulama' terhadap *al-Arba'in al-Nawawiyyah* ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk seperti, syarah kepada hadis-hadisnya sama ada dalam bahasa Arab atau selainnya, terjemahan hadis ke dalam bahasa kedua semata-mata tanpa syarah, *takhrīj* terhadap hadis-hadisnya, *tahqīq*, *taq'līq*, penjelasan makna pada kepada lafaz-lafaz yang *gharib*, penumpuan kepada *rijāl-rijāl* hadisnya, membentuk ringkasan, penambahan kepada bilangan asal hadisnya serta mensyarahkannya serta banyak lagi.

Salah satu karya adalah huraian yang dilakukan oleh seorang penulis yang mempunyai kepakaran dalam bidang akidah, tasawuf dan bahasa Arab iaitu adalah Sa'ad al-Din al-Taftazani. Untuk melihat bagaimana beliau menggunakan ketiga-tiga kemahirannya itu dalam huraian terhadap hadis-hadis di dalam *al-Arba'in al-Nawawiyyah* adalah menarik. Satu-satunya karya yang menonjolkan kemahiran tersebut adalah *Syarh Al-Taftazani Ala Ahadith Al-Arba'in Al-Nawawiyyah*.

2. Biodata Al-Taftazani

Sa‘ad al-Taftazani dilahirkan pada kurun ke 7H/13M merupakan tokoh yang terkenal dalam bahasa Arab, *al-mantiq*, *usul al-fiqh*, *tafsir*, *al-kalam* dan lain-lain. Beliau adalah kelahiran wilayah *al-‘ajamiyah* (bukan Arab) dan tidak pernah menjelaskan kaki ke wilayah Arab. Nama beliau sebenarnya adalah Mas’ud bin Umar bin ‘Abd Allah al-Taftazani al-Harawi al-Syafi‘i al-Khurasani, atau lebih dikenali sebagai Sa‘ad al-Din al-Taftazani (al-Shaukani 2006). Ini adalah nama yang dipersetujui oleh ramai ulama seperti al-Suyuti, Ibn ‘Imad, Ahmad bin Mustafa atau dikenali sebagai Tasy Kabari Zadahdan al-Baghdadi serta ramai lagi.

Al-Taftazani dilahirkan di Taftazan pada 722H/1322M, sebuah kawasan berhampiran Nasa, sebuah bandar berhampiran Khurasan. Ia terletak berhampiran Sarkhas, Marw dan Naysabur (Muhammad Farid Wajdi t.t). Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 22 Muharram 792H/10 Januari 1390M di Samarqand. Kerandanya dipindahkan ke Sarkhas dan disemadikan di sana pada hari Rabu, 8 Jamadil Awaal tahun yang sama (al-Asbihani 1991).

Al-Taftazani mempunyai ramai teman ilmuwan yang hidup sezaman dengannya pada waktu itu seperti Imam al-Isnawi (704H/1304M -772H/1370M), Ibn Kathir (706H/1306M - 774H/1372M), Taj Al-Din al-Subki (727H/1327M - 771H/1369M) dan ramai lagi. Menurut pandangan Dr. ‘Abd Allah ‘Ali al-Mala, Sa‘ad al-Taftazani berada pada liganya yang tersendiri berbanding tokoh-tokoh lain pada waktu itu kerana mereka mengkhususi pada 4 ilmu yang utama iaitu hadis, *tafsir*, *fiqh* dan *akidah*, manakala al-Taftazani pula mengkhususi *ilm al-kalam*, *usul al-feqh*, *ilm al-mantiq* dan *al-balaghah* (Dr. ‘Abd Allah ‘Ali Husayn al-Mala 1996).

Kepakaran beliau yang paling menonjol adalah dalam ilmu kalam dan bahasa Arab, tetapi beliau juga mampu untuk menghasilkan dalam pelbagai bidang yang lain. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau adalah seperti *Sharh al-Tasrif al-Zanjani*, *Al-Irsyad al-Hadi fi al-Nah*, *Sharh Al-Mutawwal ‘ala Talkhis al-Miftah* dan *Sharh al-Taftazani ‘ala al-Ahadith al-Arba’in al-Nawawi*. Karya al-Taftazani yang menjadi tumpuan penulisan ini adalah *Sharh al-Taftazani ‘Ala al-Ahadith al-Arba’in al-Nawawiyyah* merupakan huraian kepada *al-Arba’in al-Nawawiyyah*. Ia telah disenaraikan oleh Haji Khalifa di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba’in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arba’in al-Nawawiyyah*.

3. Karya *Syarh Al-Taftazani Ala Ahadith Al-Arba’in Al-Nawawiyyah*

Sharḥ al-Taftāzānī ‘Alā al-Āḥādīth al-Arbā’īn al-Nawawīyyah merupakan salah satu daripada karya al-Taftazani dan ia merupakan huraian kepada *al-Arba’īn al-Nawawīyyah*. Ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh seorang penulis sufi Nusantara yang terkenal iaitu Sheikh ‘Abd al-Raūf al-Fansuri. Terjemahan ini diberi tajuk *Sharḥ al-Latīf* yang dihasilkan pada kurun ke 17M, dianggap sebagai karya *sharḥ al-hadīth* yang pertama di Nusantara dan mempunyai kecenderungan tasawuf. Ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana Sheikh ‘Abd al-Raūf al-Fansuri sendiri merupakan tokoh tasawuf yang terkenal pada waktu itu. Sheikh ‘Abd al-Raūf al-Fansuri dipetik berkata dalam karyanya :

Telah berkata fakir yang berpegang kepada Allah Raja Yang Amat Nyata iaitu Syeikh Abd Rauf anak Ali. Ini suatu syarah yang latif atas empat puluh hadis bagi karangan Imam Nawawi telah dikasihan Allah Taala ju kiranya akan dia.

Telah kupilih kebanyakannya daripada syarah Sheikh Sa`d al-Din al-Taftazānī *rahmatullah `alayh*. Dan telah kujadikan ia dengan bahasa jawi Pasai.

Karya ini telah disenaraikan oleh Ḥāfiẓ Khalīfa di dalam *Kashf al-Zunūn* sebagai salah satu karya *al-Arba ‘īn*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arbā ‘īn al-Nawawiyah*.

Terdapat beberapa keistimewaan yang boleh dilihat pada karya ini :

- a. Ia merupakan salah satu daripada karya *sharḥ* bagi *al-Arbā ‘īn al-Nawawiyah* yang banyak menumpukan kepada nilai tasawufnya. Ia memberikan dimensi yang berbeza berbanding karya-karya *sharḥ* yang lain.
- b. Kebanyakan tokoh yang dijadikan rujukan merupakan tokoh-tokoh yang berkualiter dalam bidang tasawuf.
- c. Pengarangnya banyak menukilkan pendapat-pendapat dari tokoh-tokoh bahasa serta ulasan-ulasannya juga banyak menjurus ke arah itu.
- d. Pengarang juga banyak menyentuh tentang isu-isu akidah yang dirasakan amat penting untuk difahami.
- e. Metode *sharḥ* juga menarik kerana pengarang bijak menggunakan gaya dan stil yang menarik minat pembaca seperti memberi kesimpulan terhadap perbincangan yang panjang, memberikan pengajaran terhadap perbincangan yang mendalam, membuat penjelasan tambahan kepada isu lain yang berkait dengan isu utama serta memberi penekanan terhadap isu-isu penting yang perlu difahami oleh pembaca.
- f. Berdasarkan kepada huraian pengarang, karya ini dapat digolongkan dalam karya *sharḥ al-Arbā ‘īn al-Nawawiyah* yang agak besar saiznya.

Karya ini juga mempunyai tiga kelemahan iaitu :

- a. Tidak banyak memberi ulasan terhadap hukum hadis. Hal ini berkemungkinan kerana ia bukan tujuan utama pengarang ini dan sebahagian besar hadis-hadis ini adalah daripada riwayat al-Bukhārī dan Muslim dan tidak banyak pendebatan yang timbul tentangnya.
- b. Pengenalan terhadap perawi-perawi juga tidak banyak ditekankan.
- c. Terdapat *al-athār* yang dinukilkan oleh penulis tidak dapat ditentukan sumbernya.

4. Huraian Tasawuf Terhadap Hadis Kedua (Islam, Iman dan Ihsan)

Hadis yang menjadi tumpuan penulisan ini adalah sebagaimana berikut :

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَيْضًا قَالَ: بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَياضِ الثِّيَابِ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثْرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَ الْأَحَدِ. حَتَّى جَلَسَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَاسْتَدَرَ رُكْبَتِيهِ إِلَيْهِ، وَوَضَعَ كَفَيْهِ عَلَى

فَخَدِيْهِ، وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنَّ لَأَلَّا إِلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتَقْيِيمُ الصَّلَاةِ، وَتُثْرِي الرِّزْكَاهُ، وَتَصُومُ رَمَضَانَ، وَتَحْجُجُ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتُ إِلَيْهِ سَيَّلًا. قَالَ: صَدَقْتُ. فَعَجَبْنَا لَهُ بِسَالَهُ وَيُصَدِّقُهُ! قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ. قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُبُرِّهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرُهُ وَشَرُّهُ. قَالَ: صَدَقْتُ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَائِنَكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكُ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ. قَالَ: مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمِ مِنِ السَّائِلِ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَاتِهَا؟ قَالَ: أَنْ تَلِدَ الْأُمَّةَ رَبَّتَهَا، وَأَنْ تَرَى الْحُفَّةَ الْعَالَمَةَ رِعَاءَ الشَّاءَ يَتَطاوَلُونَ فِي الْبَيْانِ. ثُمَّ انْطَلَقَ، فَلَبِثْنَا مَيِّاً. ثُمَّ قَالَ: يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مِنْ السَّائِلِ؟ قَلَّتْ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَنَا كُمْ يُعْلَمُكُمْ دِينَكُمْ.

Maksudnya : Daripada Umar RA, ketika kami sedang duduk di sisi Rasulullah SAW pada suatu hari, tiba-tiba muncul di hadapan kami seorang lelaki yang sangat putih bajunya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya tanda-tanda perjalanan jauh, dan tiada seorangpun di antara kami yang mengenalinya, sehingga dia duduk di hadapan Rasulullah SAW . Lalu dia merapatkan lututnya ke lutut Rasulullah SAW dan meletakkan dua tapak tangannya di atas dua pahanya. Dia segera berkata, "Wahai Muhammad, ceritakan kepadaku tentang Islam." Lalu Rasulullah SAW menjawab, "Islam itu ialah kamu menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah Pesuruh Allah, kamu mendirikan solat, mengeluarkan zakat, dan menunaikan Haji jika kamu mampu mengerjakannya." Lelaki itu berkata, "Benarlah kamu!" Kami merasa hairan terhadapnya, dia bertanya dan dia juga yang membenarkannya. Lelaki itu berkata lagi, "Ceritakan kepadaku tentang Iman." Lalu Baginda SAW bersabda, "Bahawa kamu beriman kepada Allah, para MalaikatNya, Kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya, Hari Kiamat dan kamu beriman dengan ketentuan Baik dan Buruk-Nya." Lelaki itu berkata, "Benarlah kamu!" Dia berkata lagi, "Ceritakan kepadaku tentang Ihsan." Lalu Baginda SAW menjawab, "Bahawa kamu beribadah kepada Allah seolah-olah kamu melihatnya. Jika kamu tidak melihatnya, sesungguhnya Allah melihat kamu." Lelaki itu berkata, "Benarlah kamu!" Dia berkata lagi, "Ceritakan kepadaku tentang Hari Kiamat." Lalu Baginda SAW menjawab, "Orang yang ditanya tidak lebih mengetahui daripada orang yang bertanya (maksudnya kedua-duanya tidak tahu bila berlakunya Hari Kiamat)." Lelaki itu berkata lagi, "Ceritakan kepadaku tentang tanda-tandanya." Lalu Baginda menjawab, "Apabila hamba perempuan melahirkan tuannya. Dan apabila kamu melihat orang yang tidak berkasut, tidak berbaju, miskin dan pengembala kambing berlumba-lumba membina bangunan." Kemudian lelaki itupun pergi. Maka akupun menunggu beberapa hari. Kemudian Rasulullah SAW berkata, "Wahai Umar, tahukah kamu siapakah orang yang bertanya itu?" Aku menjawab, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Sabda Rasulullah SAW, "Sesungguhnya dia adalah Jibril. Dia datang untuk mengajar kamu tentang ad-Din kamu."

(Muslim, *Sahīh Muslim*, Kitāb al-Imān, Bāb Bayān al-Imān wa al-Islām wa al-Iḥsān, hadis no.93, 681).

Pada hadis ini, al-Taftāzānī memfokuskan makna tauhid dari kefahaman tasawuf. Ia meliputi empat perkara :

4.1 Konsep *al-jam'* dan *al-tafsīl* atau *al-tafrīq* mengukuhkan pemahaman terhadap akidah terhadap Allah yang Esa.

Beliau memulakan huraiannya dengan menyatakan makna “tauhid” iaitu : “Semata-mata menyandarkan tauhid itu pada *al-jam'* sahaja tanpa *al-tafsīl* adalah pegangan golongan *al-Jabariyyah*. Pegangan ini menjadikan segala sesuatu itu harus kerana usaha itu terletak pada Tuhan semata-mata. Manakala menyandarkan perkataan dan perbuatan secara mutlak kepada Rasullah SAW dan segala makhluk itu pula adalah *al-tafsīl* yang terpisah dari *al-jam'*. Iaitu semata-mata bergantung pada usaha manusia sahaja. Pegangan ini membawa pembatalan sifat-sifat Allah yang mulia serta menduakan sifat-sifat-Nya. Golongan ini dikenali sebagai Muktazilah. Manakala perseimbangan antara dua perkara ini adalah kepercayaan yang sebenar-benarnya. Ini adalah golongan ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.

Menjelaskan lagi maksud *al-jam'* dan *al-tafriqah*, al-Taftāzānī membawa pendapat beberapa orang tokoh : Kata pengarang ‘Awarif al-Ma`arif : *al-jam'* adalah satu hubungan antara manusia dan Allah Taala yang mana tidak dilihat oleh pemiliknya kecuali kebenaran. Sesiaapa yang melihat selain dari itu maka itu bukan *al-jam'*. Manakala *al-tafriqah* pula adalah satu penyaksian terhadap manifestasi kewujudan Allah Allah.

Al-Taftāzānī memetik pula kata-kata al-Junayd : Menghadirkan diri bagi orang yang “melihat” Allah adalah berbeza dengan orang lain. Apa yang terlintas di dalam hatinya, itu adalah *al-jam'*. Mengasingkan Allah Taala dari hati manusia bermakna mengasingkan Allah Taala dari kemanusiaan. Setiap *al-jam'* tanpa *al-tafriqah* adalah zindiq dan setiap *al-tafriqah* tanpa *al-jam'* adalah mensia-siakan sifat Allah Taala.

Merujuk kepada huraian di atas, al-Taftāzānī menyebut tentang *al-jam'* bermaksud “menyatukan hal yang terpisah”, umpamanya menyatakan “Allah Taala, bukan yang lain”. Manakala lawannya adalah *al-tafriqah* iaitu “memisahkan hal-hal yang menyatu”, umpamanya menyatakan “dunia, akhirat dan alam semesta.” *Al-tafsīl* di sini boleh disamakan juga dengan konsep “*al-tafriqah*” yang bererti memisahkan.

Untuk lebih memahami maksud *al-jam'* dan *al-tafriqah* berkaitan dengan akidah, ia dapat dilihat dalam banyak ayat seperti Surah Ali Imran (3) : 18

Al-Jam' :

١٨ شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَآلُّ مَلَائِكَةٌ وَأُولُوْنَا آلُّ عِلْمٍ فَإِنَّمَا بِالْقُسْطَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ آلُّ حَزِيرٍ آلُّ حَكِيمٌ

Maksudnya : Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahwasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Al-Tafriqah :

١٨ شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَآلُّ مَلَائِكَةٌ وَأُولُوْنَا آلُّ عِلْمٍ فَإِنَّمَا بِالْقُسْطَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ آلُّ حَزِيرٍ آلُّ حَكِيمٌ

Maksudnya : Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahwasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada

Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Pendekatan al-Taftāzānī membawa konsep *al-jam'* dan *al-tafriqah* di dalam huraiannya berkaitan akidah ini adalah agak berat dan sukar difahami sekiranya ia dibaca oleh orang awam. Namun, jika dilihat dari aspek ilmu tasawuf ia adalah satu pendekatan yang munasabah kerana *al-jam'* adalah asal utama, manakala *al-tafriqah* adalah cabangnya. Kedua-duanya perlu ada untuk mengelakkan diri mencari kafir atau atheist (Shihāb al-Dīn Suhrawardi, 1981). Secara mudahnya, ia dapat dilihat dalam ayat di bawah :

فَلَمْ يَقْتُلُوهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ قَتَلَهُمْ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ أَلْهَمَنِينَ مِنْهُ بَلَاءً حَسَنًا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

١٧

Maksudnya : Maka bukanlah kamu yang membunuh mereka, akan tetapi Allah jualah yang menyebabkan pembunuhan mereka dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir) dan untuk mengurniakan orang-orang yang beriman dengan pengurniaan yang baik (kemenangan) daripadaNya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Surah al-Anfal (9) : ayat 17.

Ayat ini diturunkan pada perang Badar iaitu apabila Rasulullah SAW melemparkan batu kepada pihak musuh lalu membunuh mereka. Lalu dijelaskan oleh Allah Taala bahawa yang melemparkan batu itu bukanlah baginda tetapi keputusan Allah Taala yang menyebabkan musyrikin itu terbunuh. Keyakinan bahawa semua yang terjadi kerana kehendak Allah Taala sehingga perbuatan manusia itu hanya merupakan sebab dan itulah yang dipanggil *al-jam'* iaitu mengumpul dengan menghilangkan sebab sehingga meyakini bahawa itu adalah perbuatan dan keputusan dari Allah Taala. Konsep *al-jam'* inilah yang membawa kepada pengucapan “insyaallah”, “alhamdulillah”, “astaghfirullah” dan lain-lain.

Imam al-Qushayrī menjelaskan bahawa dua istilah ini berlaku di kalangan ahli sufi dan ia penting kerana seseorang *sālik* yang tidak pernah melaluinya menyebabkan ibadahnya tidak bernilai atau tidak mungkin dapat mencapai maqam makrifat. Beliau bahkan menyebut tentang *jam' al-jāmi'* yang merupakan tingkatan lebih tinggi dari *al-jam' wa al-tafriqah*. Sebahagian kaum sufi menggunakan kedua-dua istilah ini untuk menunjukkan peranan *al-Khāliq* pada keseluruhan tingkah laku manusia. Dia menjadikan mereka berbeza-beza dan bertingkat-tingkat. Sebahagiannya disengsarkan, sebahagian dibahagiakan, sebahagian diberi petunjuk dan sebahagian disesatkan (al-Qushayrī, 1998).

4.2 Makna iman dari segi tasawuf dan pembahagiannya mengikut kategori manusia :

Beliau telah menghuraikan dengan panjang lebar tentang makna iman dan pembahagiannya :

- i. Iman wujud secara penglihatan mata

Memetik kata-kata Syeikh al-Kabir Abu 'Abd Allah bin Hanif dalam karya akidahnya bahawa ia adalah cahaya yang dicampak ke dalam hati, bukannya cahaya zat Allah.

Maka maknanya yang asal adalah : cahaya kebenaran yang dicampakkan oleh Allah Taala daripada kekuasaannya (*malakūt*) ke dalam hati hamba-Nya. Maka menjadi jelaslah apa yang tersembunyi dan rahsia dan dia bersambung dengan Allah Taala serta *thabit* di dalam jiwa-jiwa mereka.

Sekiranya disingkap dengan lebih luas kehebatan Allah SWT, maka semakin bertambahlah cahaya itu. Maka semakin menguat ia, maka semakin jelaslah dan teranglah jiwa. Timbul dari dalam hatinya satu dorongan untuk mengikut cahaya kebenaran itu. Ditambah pula pada cahaya pengetahuannya itu cahaya amalan dan akhlak, cahaya atas cahaya. Allah memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendakinya itu dengan cahaya-Nya. Begitu juga dengan *al-qazf* dan *kasyaf* yang bergantung pada kehendak Allah SWT pada ketika bertiupnya angin sejuk sifat mahmudah yang tidak mampu dicari oleh hamba. Maka ia adalah sebaik-baik cahaya yang datang dari usaha dan mujahadah.

ii. Iman yang wujud secara fikiran

Mendalami cahaya tersebut dan menelaahnya dengan kebenaran.

iii. Iman wujud secara lafadz

Ia adalah ikrar dua syahadah dengan lisan.

Perkara seterusnya yang disentuh oleh al-Taftāzānī adalah peringkat iman yang dibahagikan mengikut kategori manusia :

i. Iman orang awam

Memberikan dengan hati, ikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan (atau disebut sebagai semata-mata taklid oleh Imam al-Ghazālī). Analoginya : Apabila seseorang itu sudah sampai umur, sudah boleh membezakan antara yang baik dan yang buruk, lalu mereka mendengar daripada ibu bapa tentang kewujudan Allah Taala, perutusan para Nabi dan Rasulullah SAW dan lain-lain. Mereka tetap padanya dan tidak mengingkarinya.

ii. Iman orang *khawas*

Hilangnya dunia daripada diri dan menumpukan kepada pencarian hari Akhirat dan menyerahkan hati sebagai saksi kepada Allah SWT (Imam al-Ghazali menyifatkannya sebagai iman orang ahli ilmu kalam iaitu ilmu tauhid. Ia adalah peringkat iman yang bercampur aduk dalil). Analoginya : Orang menyatakan bahawa Zaid ada di sebalik dinding, kemudian kedengaran suara beliau. Maka keyakinan anda bahawa Zaid berada di sebalik dinding itu dikuatkan dengan dalil atau bukti suara tadi. Maka bertambahlah keyakinan anda.

iii. Iman orang *khawaṣ al-khawaṣ*

Mulāzamah atau istiqamah zahir dan batin pada ketaatan pada Allah SWT dan menyerahkan diri kepada fana kerana Dia serta membuang hati dari perkara-perkara dunia (Imam al-Ghazālī menyebutnya sebagai iman orang ‘ārifīn, iaitu orang yang menyasikan dengan ‘ayn al-yaqīn). Analoginya : Apabila anda memasuki rumah itu dan

anda menyaksikannya dengan mata anda sendiri. Keyakinan anda tentang adanya Zaid di dalam rumah itu menjadi semakin kuat. Ini adalah makrifah (pengenalan) yang sebenarnya dan penyaksian dengan keyakinan. Ini adalah menyamai makrifat golongan *muqarrabin* dan *siddiqin*.

Peringkat iman menurut pembahagian yang dibuat oleh al-Taftazani adalah sama dengan apa yang dibuat oleh Imam al-Ghazali dalam *Ihya'* (Al-Ghazali, 2005).

4.3 Keimanan kepada Rasulullah SAW dan keistimewaan baginda berbanding nabi-nabi yang lain.

Seterusnya, al-Taftazani memulakan huraian tentang beriman kepada Rasulullah SAW : Maka telah diketahui bahawa Nabi kita SAW, apabila datang tanda yang menguatkannya iaitu apabila berlakunya *musyāhadah* antara baginda dan Allah SWT serta tenggelamnya baginda dalam lautan *wahdah* dan '*adam* sehingga tiada lagi kesan manusia dan dunia. Ini adalah kedudukan baginda yang tetap sebagaimana yang disebut oleh Allah Taala:

فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَى

Maksudnya : Sehingga jaraknya (sekitar) dua busur panah atau lebih dekat.

Surah al-Najm (27) : 9

Bukan begitu kedudukan Jibril atau malaikat-malaikat yang lain, bukan juga kedudukan Nabi Isa, Musa dan Ibrahim dan selain daripada mereka di kalangan para Nabi. Kebanyakan masa, Allah SWT bersama dengan Nabi Muhammad SAW dan dekat dengan baginda tetapi di sebahagian masa Allah menolak Nabi demi untuk mengajar manusia untuk menerangkan hukum-hukum kejadian pada manusia dan juga supaya Nabi tidak menjadi sebat dengan Allah SWT.

Pendekatan yang digunakan oleh al-Taftazani dalam huraian terhadap rukun Iman khususnya tentang kepercayaan terhadap Nabi Muhammad SAW adalah tentang *musyāhadah* baginda dengan Allah Taala. *Musyāhadah* yang baginda lakukan mendekatkan dirinya dengan Allah Taala, tenggelam dalam lautan *wahdah* dan '*adam* sehingga menjadi jaraknya antara baginda dengan Allah Taala sekitar dua busur anak panah atau lebih dekat sebagaimana yang tertulis di dalam al-Quran. Bahkan jika dibandingkan dengan Malaikat dan Nabi-Nabi lain, kedudukan baginda adalah istimewa.

Musyāhadah dan '*ubūdiyyah* Rasulullah SAW dapat dilihat dalam ayat al-Quran berkaitan peristiwa israk mikraj di bawah :

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَرَّكَتِهِ حَوْلَهُ
إِنْرِيهُ مِنْ عَائِتَنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۚ

Maksudnya : Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkat sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan

kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Surah al-Isra' (15) : 1

Perkataan “hamba-Nya” digunakan menggantikan “kekasih-Nya” atau “Muhammad” menggambarkan maqam yang tertinggi dalam hubungan seseorang manusia dengan Tuhan-Nya iaitu “‘ubūdiyyah”. Begitu juga dengan penggunaan huruf *ba'* dalam perkataan tersebut “*bi 'abdihi*” adalah untuk memberikan suasana antara ‘ubūdiyyah yang merupakan kehinaan kepada penghambaan. (Haji Ali Haji Mohamed 2006).

Imam al-Qushayrī memberi penghormatan terhadap kedudukan Rasulullah SAW apabila memetik kata-kata Abu Husin al-Nuri yang menggambarkan bahawa tiada hati yang begitu merindui Allah Taala kecuali hati baginda Rasul. Oleh kerana itu lah Allah Taala memuliakannya dengan mikraj yang bergerak sangat cepat untuk memandang Zat dan KesempurnaanNya (al-Qushayrī, 1998).

Baginda jugalah satu-satunya makhluk yang telah mencapai darjat atau maqam kamil iaitu hamba-Nya telah mencapai darjat ihsan. Segala ilmu dan peristiwa di dunia dan keseluruhan alam telah dilihatkan (dipersaksi) Allah Taala kepada baginda. Misalnya, baginda SAW merupakan manusia pertama yang dibedah secara cahaya, diangkat ke langit, dilihatkan peristiwa terdahulu dan pada hari kemudian (Haji Ali Haji Mohamed, 2006).

4.4 *Perumpamaan qadak dan qadar ini dengan sebuah lukisan*

Dalamuraian beliau tentang qadak dan qadar, al-Taftāzānī menjelaskan dengan cara yang mudah difahami. Beliau memetik kata-kata orang yang arif di kalangan ahli sufi bahawa qadar ini seperti gambaran ukiran yang berada dalam pemikiran seorang guru lukisan. Manakala qadak pula adalah lukisan yang diterjemahkan ke atas kanvas sebagaimana yang difikirkannya. Maka murid yang akan meletakkan warna berdasarkan kepada lakaran yang dibuat oleh guru lukisan tadi. Itulah yang dikatakan sebagai usaha dan ikhtiar. Ikhtiar yang dilakukan oleh murid tidak akan terkeluar dari lakaran asal oleh guru lukisan tadi. Begitulah perumpamaan ikhtiar dan usaha seorang hamba yang tidak mungkin akan terkeluar dan qadak dan qadar, akan tetapi akan berulang-alik dan berpusing-pusing di antara keduanya.

Golongan *al-'Ārifīn* ini juga menyebut bahawa : Sesungguhnya Allah Taala telah mentakdirkan kewujudan alam ini untuk menzahirkan sifat-Nya dan nama-nama-Nya yang mulia. Setiap satu darinya adalah ukuran yang akan menzahirkan ilmu Allah berkaitan dengan nama-nama dan sifat-sifat serta apa yang berkaitan dengannya. Ini adalah bersandarkan kepada apa yang disebut oleh-Nya :

تُسَبِّحُ لَهُ الْسَّمَوَاتُ الْسَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مَنْ شَيْءٌ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْهَمُونَ تَسْبِحُهُمْ إِلَيْهِ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ٤٤

Maksudnya : Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Ia adalah Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun.

Bagi setiap zarah itu adalah lidah malakut yang akan bertasbih dan bertahmid memuliakan Penciptanya. Mereka memuji-Nya di atas sifat-Nya yang tunggal dan sifat-sifat-Nya yang cantik dan mulia. Jelas bagi kita bahawa setiap sesuatu itu adalah hasil daripada takdir Allah berdasarkan kepada nama dan sifat Allah Taala yang mulia, bukan Zat-Nya. Sesungguhnya seluruh kejadian alam ini tidak mampu untuk sampai kepada zat Allah kecuali hati manusia. Sebagaimana sebuah kata-kata yang menyebut : “Tidak sampai kepada-Ku bumi-Ku dan langit-Ku, namun sampai kepada-Ku hati seorang hamba-Ku yang mukmin.”.

Oleh itu, dapat kita katakan bahawa : hati mukmin itu adalah arasy Allah Taala. Abu Yazid berkata : “Sekiranya terletaknya alam ini berjuta-juta kali di atas mana-mana sudut hati seorang yang mengetahui, dia tidak akan merasainya.”

Al-Taftazānī menyimpulkan bahawa iman, Islam dan ihsan inilah yang dinamakan sebagai “al-din” atau “agama”. Beliau mengakhiri huraiannya ini dengan membawakan sebuah syair :

Kami memuji-Mu tuhan kami kerana telah memberi kami hidayah,
Kepada agama-Mu yang suci ini, Dia lah Allah Yang Maha Terpuji,
Kami memohon pada-Mu agar membersihkan kami dari maksiat-maksiat,
Kerana sesungguhnya azab-Mu amat pedih,
Wahai Tuhan segala makhluk ini, kami bertaubat pada-Mu,
Engkaulah Tuhan yang Rahim dan Tunggal.

Gambaran tentang lukisan yang dibuat oleh al-Taftazānī dalam huraiannya untuk menggambarkan qadak dan qadar itu memberi kefahaman yang jelas bahawa apa sahaja yang dilakukan oleh manusia, ia tidak mungkin akan melebihi apa yang telah Allah Taala takdirkan.

Pendekatan yang dibuat oleh al-Taftazānī ini menggambarkan keunikian dan kekreatifan beliau dalam menerangkan konsep yang sukar difahami seperti qadak dan qadar ini. Analogi tersebut memudahkan pembaca untuk memahami bahawa apa sahaja yang dilakukan oleh manusia adalah usaha beliau sendiri, tetapi tidak mungkin boleh melebihi apa yang telah ditentukan oleh Allah Taala.

5. Kesimpulan

Kelebihan yang dimiliki oleh Al-Taftazani dari segi ilmu tasawuf telah digunakan sebaiknya oleh beliau dalam menghuraikan hadis kedua *al-Arba'in al-Nawawiyyah* yang berkaitan dengan akidah ini. Kecenderungan tasawuf yang ditunjukkan oleh beliau telah memberikan satu posisi yang unik kepada beliau berbanding huraian-huraian oleh penulis lain.

Rujukan :

‘Abd al-Karim bin Hawazin al-Qushayri (1998), *al-Risalah al-Qusairiyah*. Beyrut : Dār Ihyā’ al-Turāth.

al-Ghazālī (2005), *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*. Kaherah : Dār al-Tauzi’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah.

Ali Haji Mohamed (2006), *Kunci Memahami Tasawuf*, Selangor : Masterpiece Publication Sdn. Bhd.

Shihab al-Din Suhrawardī (1981), *The ‘Awarif al-Maarif*, terj. Lieut.Col.H.Wilberforce Clarke. Asiatic Society of Bengal.